

09 JUL 1996

RAZALEIGH TAK CADANG PEGANG JAWATAN DALAM UMNO

KANGAR, 9 Julai (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah berkata, beliau tidak ada cadangan untuk memegang apa-apa jawatan dalam UMNO pada peringkat pusat atau negeri setelah menyertai semula parti itu.

Semasa diminta mengulas kenyataan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa bahawa beliau sanggup menyerahkan jawatan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang disandangnya sekarang kepada Tengku Razaleigh sekiranya beliau menyertai semula parti itu, Tengku Razaleigh berkata;

"Tawaran itu bagus tetapi saya belum lagi menjadi anggota UMNO, soal itu (jawatan dalam UMNO) diputus oleh pucuk pimpinan parti.

"Bagaimanapun saya tidak ada cadangan hendak memegang jawatan sama ada di peringkat pusat atau negeri," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin S46 Negeri di sini hari ini.

Tengku Razaleigh juga berkata beliau tidak menetapkan apa-apa syarat untuk penyertaannya dalam UMNO.

"Cuma dalam perundingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad saya ada mengemukakan pandangan dan cadangan tertentu yang boleh dipertimbangkan oleh Dr Mahathir dalam usaha menyatukan orang Melayu," katanya.

Mengenai sambutan anggota parti terhadap usaha penyatuan ke dalam UMNO, beliau berkata pada umumnya anggota S46 bersetuju dengan cadangan itu.

Bagaimanapun mereka perlu membuat keputusan muktamad pada perhimpunan agung parti November ini, katanya. -- BERNAMA

IQ NMO